



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**ANALYSIS OF “IDEAS” IN MOHD. AFFANDI HASSAN’S *ESPENS***

**NAHARI MASTONO ARUKIN**

**FBMK 2008 20**



**ANALISIS PEMIKIRAN DALAM ESPEN-ESPE  
MOHD. AFFANDI HASSAN**

**NAHARI MASTONO ARUKIN**

**MASTER KESUSASTERAAN MELAYU  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**2008**



**ANALISIS PEMIKIRAN DALAM ESPEN-ESPE  
MOHD. AFFANDI HASSAN**

**Oleh**

**NAHARI MASTONO ARUKIN**

**Tesis ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti  
Putra Malaysia, Sebagai Memenuhi Sebahagian Keperluan untuk Ijazah  
Master Sastera**

**November 2008**



## DEDIKASI

***Dedikasi buat yang memberi pengertian;  
suami, anak-anak, emak, dan keluarga  
yang terus memberikan perangsang, doa,  
dan pemahaman.***



Abstract of thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia  
in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Arts

**ANALYSIS OF “IDEAS” IN MOHD. AFFANDI HASSAN’S *ESPENS***

By

**NAHARI MASTONO ARUKIN**

**November 2008**

**Chairman: Mohd. Zariat Abdul Rani, PhD**

**Faculty: Modern Languages and Communication**

This study stems from early observations which have uncovered two different viewpoints on the aspect of “ideas” in contemporary Malay literature. On the one hand, Malay literary works are said to offer certain “ideas” that are clear and serious. On the other hand, the presence of “ideas” in Malay literary writings is also questioned and contested. These two contradicting viewpoints have motivated this study to further analyse the aspect of “ideas” in Malay literature. Thus, this study analyses the works of Mohd. Affandi Hassan, a creative writer and renowned critic of Malay literature. This choice is based on Mohd. Affandi’s reputation as a well known contemporary writer who relentlessly calls for an emphasis on the aspect of “ideas” in literary texts. This also raises the question of whether Mohd. Affandi could realise his own call. To answer this question, the study scrutinises 20 of Mohd. Affandi’s *espens* for the purpose of analysis. The



*espen* genre is chosen because Mohd. Affandi conceptualises this genre (*espen*) to convey “ideas”. Therefore, this study incorporates the ideas of “*Persuratan Baru*” (PB or Genuine Literature), mooted by Mohd. Affandi, as a framework for analysis. Among the ideas of PB incorporated are differentiating between “*ilmu*” or “knowledge” (“ideas”) and “*cerita*” (“story”) which is a basic aspect of *espen*. This study has several findings. Among them, “ideas” exist in the studied texts and are conveyed through academic writing. This tendency also places the “story” in a subordinate position.



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia  
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

**ANALISIS PEMIKIRAN DALAM ESPEN-ESPEAN MOHD. AFFANDI HASSAN**

Oleh

**NAHARI MASTONO ARUKIN**

**November 2008**

**Pengerusi: Mohd. Zariat Abdul Rani, PhD**

**Fakulti: Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi**

Kajian ini bertolak daripada pengamatan awal yang mendapati bahawa wujudnya dua kutub pandangan yang berbeza tentang aspek “pemikiran” dalam kesusasteraan Melayu masa kini. Di satu pihak, karya-karya sastera Melayu masa kini dianggap menawarkan pemikiran tertentu yang jelas dan serius. Di pihak yang lain, kehadiran pemikiran dalam karya-karya sastera Melayu masa kini diragui dan dipertikaikan. Kehadiran dua kutub pandangan yang saling bertentangan mengundang kajian ini untuk meneliti secara lebih lanjut tentang aspek “pemikiran” dalam kesusasteraan Melayu. Sehubungan itu, kajian ini memilih untuk meneliti karya-karya Mohd. Affandi Hassan (seterusnya Mohd. Affandi), seorang penulis kreatif dan pengkritik yang tidak asing dalam dunia kesusasteraan Melayu masa kini. Pilihan ini diasaskan kepada reputasi Mohd. Affandi sendiri yang sedia dikenali sebagai penulis masa kini yang giat menyeru supaya aspek pemikiran dititikberatkan dalam karya sastera. Ini sekali gus

membangkitkan persoalan tentang apakah Mohd. Affandi dapat merealisasikan seruan beliau sendiri. Dalam usaha merungkaikan persoalan ini, kajian ini meneliti 20 buah “espen” karya Mohd. Affandi sebagai teks kajian. Pemilihan genre “espen” sebagai teks kajian ini mengambil kira kenyataan Mohd. Affandi yang menganggap bahawa genre (espen) ini sememangnya dikonsepsikan oleh beliau untuk menyampaikan pemikiran. Untuk itu, kajian ini menerapkan idea-idea Persuratan Baru (seterusnya PB), iaitu satu gagasan yang dijana oleh Mohd. Affandi sendiri, sebagai kerangka analisis. Antara idea PB yang diterapkan ialah pembezaan antara “ilmu” (“pemikiran”) dan “cerita”, yang turut membentuk ciri-ciri asasi genre espen. Kajian ini berhasil dalam mengenalpasti beberapa penemuan. Antaranya, wujudnya pemikiran tertentu dalam teks-teks yang dikaji, dan pemikiran ini didapati telah disampaikan dengan cara penulisan yang bersifat ilmiah. Kecenderungan ini juga didapati telah meletakkan “cerita” pada kedudukannya yang subordinat.



## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, sesungguhnya segala kesyukuran ini saya rafakkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana memberikan saya kesihatan yang baik, masa yang dapat dimanfaatkan, anugerah insan serta persekitaran yang membolehkan saya menyudahkan tesis sarjana ini dengan penuh kesedaran terhadap pentingnya “ilmu yang benar” dalam kehidupan ini. Tentunya, penghargaan dan rasa terima kasih ini khasnya saya dedikasikan terutamanya kepada Dr. Mohd. Zariat Abdul Rani, penyelia tesis sarjana ini yang memperuntukkan sekian banyak masa dan komitmen untuk merealisasikan tesis ini. Saya juga merakamkan rasa terima kasih yang tulus khusus buat Dr. Washima Che Dan yang turut membantu saya.

Seterusnya, saya juga ingin mengucapkan terima kasih khas buat Tuan Haji Mohd. Affandi Hassan yang sudi menerima kehadiran saya di rumah beliau untuk berbincang, melayani emel-emel saya, dan mengirimkan bahan-bahan yang amat saya perlukan untuk memenuhi tuntutan kajian ini. Malah, saya cukup terhutang budi di atas kesediaan beliau berkongsi koleksi bahan bacaan beliau semasa kecil yang menjadi simpanan peribadinya, untuk saya gunakan dalam kajian ini.

Seterusnya, saya juga ingin merakamkan terima kasih ini kepada Puan Salmiha, kakitangan Perpustakaan Sultan Abdul Samad Universiti Kebangsaan Malaysia, kakitangan Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu Universiti Kebangsaan



Malaysia, kakitangan Pusat Dokumentasi Dewan Bahasa dan Pustaka, kakitangan Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya, kakitangan Perpustakaan Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia, dan kepada semua pihak yang tidak dapat saya nyatakan di sini. Selain itu, saya juga ingin merakamkan terima kasih kepada Bahagian Biasiswa, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) atas pembiayaan pengajian saya.

Sesungguhnya, penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga ini juga saya khususnya istimewa buat suami, Cikgu Baharudin Pardi yang bukan hanya sudi berkongsi ilmu dan pengertian, tetapi turut memberikan sokongan dan kepercayaan bahawa apa yang saya usahakan ini merupakan suatu tanggungjawab terhadap ilmu. Sekali pun sepanjang tesis ini saya usahakan, bukan sedikit masa untuknya yang saya ambil. Seterusnya, terima kasih sekalung budi seharum kasturi buat emak, Puan Manisah Yusop yang tidak pernah berhenti mendoakan kejayaan saya, juga buat anak-anak, Emir Din Baharudin, Nur Qistina Din Baharudin, Ikmal Din Baharudin dan Nur Afiqah Din Baharudin, terima kasih kerana telah mengorbankan sebahagian masa, kasih sayang dan perhatian sepanjang penerokaan ilmu ini. Semoga anak-anak dapat mengambil iktibar dan menjadi saksi bahawa perjalanan mencari ilmu tidak pernah berhenti sekalipun usia sentiasa mendaki senja. Juga terima kasih buat sahabat saya, Cikgu Rozilawati Abu Hassan yang sentiasa memberikan sokongan. Semoga Allah S.W.T. agar segala budi baik yang diberikan walaupun sebesar zarah akan mendapat keberkatan-Nya. Amin.



Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Pemeriksa telah berjumpa pada tarikh **5 NOVEMBER 2008** untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi **Nahari Mastono Arukin** untuk menilai tesis **Master Sastera** beliau yang bertajuk "**Pemikiran dalam Espen-espen Mohd. Affandi Hassan**" mengikut Akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa Pemeriksa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah berkenaan.

Ahli Pemeriksa Jawatankuasa adalah seperti berikut:

Ahmad Mahmood Musanif, PhD  
Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

Arba'ie Sujud, PhD  
Pensyarah  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

Noridah Omar, PhD  
Pensyarah  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

Ungku Maimunah Mohd. Tahir, PhD  
Profesor  
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
(Pemeriksa Luar)

---

**HASANAH MOHD GHAZALI, PhD**  
Profesor dan Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Mohd. Zariat Abdul Rani, PhD**

Pensyarah  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Washima Che Dan, PhD**

Pensyarah  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**HASANAH MOHD GHAZALI, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 12 Februari 2009



## **PERAKUAN**

Saya memperakui bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya. Saya juga memperakui bahawa tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain.

**NAHARI MASTONO ARUKIN**

Tarikh: 17 Disember 2008



## KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
<b>ABSTRAK</b>	ii
<b>ABSTRACT</b>	iv
<b>PENGHARGAAN</b>	vi
<b>PENGESAHAN</b>	viii
<b>PENGAKUAN</b>	x
<b>GLOSARI</b>	xiii
<b>BAB 1           PENDAHULUAN</b>	
1.1   Pengenalan	1
1.2   Sorotan Kajian-kajian Lepas	2
1.3   Permasalahan Kajian	16
1.4   Kerangka Analisis dan Skop Kajian	19
1.5   Objektif Kajian	23
1.6   Organisasi dan Pembahagian Bab	23
<b>BAB 2           GAGASAN PERSURATAN BARU: SATU KERANGKA ANALISIS</b>	
2.1   Gagasan “Persuratan Baru” oleh Mohd. Affandi Hassan	26
2.1.1 “Hakikat Insan”	26
2.1.2 “Hakikat Ilmu dan Amal”	34
2.1.3 “Hakikat dan Fungsi Sastera”	40
2.2   Espen Sebagai Satu Genre Persuratan	44
2.2.1 Takrifan “Espen”	45
2.2.2 Keutamaan Terhadap “Idea”/“Pemikiran”	46
2.2.3 Cara Penulisan Bersifat Ilmiah	52
2.2.4 Cerita Menterjemahkan “Idea”/“Pemikiran”	57
<b>BAB 3           MOHD. AFFANDI HASSAN DAN PEMIKIRAN-PEMIKIRANNYA</b>	
3.1   Kehidupan Mohd. Hassan	64
3.1.1 Latar Belakang Keluarga dan Persekolahan	64
3.1.2 Kecenderungan dan Minat	65
3.1.3 Pengalaman dan Kerjaya	69
3.1.4 Kegiatan Penulisan	71
3.1.5 Penerbitan Karya Ilmiah dan Kreatif	71
3.1.6 Penulisan Karya-karya Kreatif	74

3.2	“Idea”/“Pemikiran” Mohd. Affandi Hassan dalam Karya-karya Ilmiah	75
3.2.1	Keimanan/Tauhid	76
3.2.2	Persuratan dan Kesenian	78
3.2.3	Kebebasan Hakiki	84
3.2.4	Kebijaksanaan Manusia dan Peranan Akal	86
3.2.5	Pembangunan Masyarakat	91
3.2.6	Politik dan Pentadbiran Awam	94
3.2.7	Ilmu dan Dunia Pendidikan	104

#### **BAB 4 ANALISIS PEMIKIRAN DALAM ESPEN-ESPE MOHD. AFFANDI HASSAN BERDASARKAN PERSURATAN BARU**

4.1	Keutamaan “Idea”/“Pemikiran”	113
4.1.1	Keimanan Berasaskan Tauhid	114
4.1.2	Makna Kebebasan Hakiki	124
4.1.3	Akal dan Kebijaksanaan Manusia	127
4.1.4	Pembangunan dan Kritik Sosial	133
4.1.5	Politik dan Pentadbiran Awam	138
4.1.6	Ilmu dan Dunia Pendidikan	148
4.1.7	Persuratan dan Kesenian	153
4.2	Cara Penulisan Bersifat Ilmiah	161
4.3	Cerita Menterjemahkan Pemikiran	189

#### **BAB 5 PENEMUAN DAN KESIMPULAN**

<b>BIBLIOGRAFI</b>	233
<b>BIBLIOGRAFI UNTUK DATA EMPIRI</b>	239
<b>LAMPIRAN</b>	241
<b>BIODATA PENULIS</b>	244



## GLOSARI

<b>Singkatan</b>	<b>Tajuk Espen</b>
1. <i>Al-Fauz'ul Kabir</i>	AFK
2. <i>Angin Dari Gunung</i>	ADG
3. <i>Balak</i>	-
4. <i>Birokrat Tulen</i>	BT
5. <i>Bukan Birokrat Palsu</i>	BBP
6. <i>Bukan Orang Jahat</i>	BOJ
7. <i>Bukan Pesara Kaya</i>	BPK
8. <i>Bukan Salah SSB</i>	BSS
9. <i>Bukan Tahi Bintang</i>	BTB
10. <i>Bukan Tokoh Ikutan</i>	BTI
11. <i>Dendam</i>	-
12. <i>Lodeh SPM dan Beruknya</i>	LSDB
13. <i>Masih Murid Lagi</i>	MML
14. <i>Matinya Seorang Pahlawan</i>	MSP
15. <i>Pak Mat Pembangunan</i>	PMP
16. <i>Pak Nik</i>	PN
17. <i>Papan Kemajuan</i>	PK
18. <i>Pit</i>	-
19. <i>Yang Palsu</i>	YP
20. <i>[.] &amp; [.]</i>	-





## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Dalam bidang kesusasteraan, soal pemikiran merupakan antara perkara yang kerap diperkatakan. Dalam dunia kesusasteraan Melayu dewasa ini, soal pemikiran menjadi antara topik yang sering mengundang perbincangan, dan menarik perhatian banyak pihak. Ini, umpamanya dapat diamati pada beberapa seminar yang kebelakangan ini kerap dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), iaitu satu badan yang berautoriti dalam bidang bahasa dan kesusasteraan Melayu.<sup>1</sup> Ini termasuklah kecenderungan para pengkaji sastera Melayu yang sering menjadikan soal pemikiran dalam karya sastera sebagai topik kajian mereka.<sup>2</sup> Berkaitan dengan itu, dalam dunia kesusasteraan Melayu dewasa ini, soal pemikiran dalam sastera didapati

---

<sup>1</sup> Dewan Bahasa dan Pustaka pada masa kini sedang giat menganjurkan "Siri Seminar Pemikiran Sasterawan Negara". Untuk keterangan lanjut, sila rujuk prosiding "Seminar Pemikiran Sasterawan Negara S. Othman Kelantan", 2004; "Seminar Pemikiran Sasterawan Negara Keris Mas", 2005; "Seminar Pemikiran Sasterawan Negara Shahnnon Ahmad", 2007; dan yang terkini ialah "Seminar Pemikiran Sasterawan Negara A. Samad Said", 2008.

<sup>2</sup> Antaranya, sila lihat Sidek Haji Fadzil, "Pemikiran Barat Moden: Sikap Para Cendekiawan Muslim Dengan Tumpuan di Alam Melayu", Tesis Ph.D. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1994; Haron Daud, "Mantera Sebagai Pengucapan Simbolik: Analisis Pemikiran Melayu", Tesis Ph.D. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1996; Samsina Abd. Rahman, "Puisi-puisi Sayembara Anugerah Puisi Putra: Kajian Pemikiran dan Nilai Estetik", Tesis Sarjana. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1989; Hashim Ismail, "Pemikiran Kaum Muda Di Dalam Novel-novel Melayu Sebelum Perang Dunia Kedua", Tesis Ph.D. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2003; Kathirasan a/l Doraisamy, "Pemikiran Shahnnon Ahmad dan Naguib Mahfouz Dalam Novel-novel Terpilih: Satu Perbandingan", Tesis Ph.D. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2004; S.Othman Kelantan, *Pemikiran Satira Dalam Novel Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997; & Naapie Mat, *Pemikiran Penyair Melayu*. Shah Alam: Karisma Publications, 2004.

mengundang pemahaman, pandangan dan tafsiran yang berbeza-beza. Perbezaan ini kemudiannya menelurkan penemuan dan kesimpulan yang berbeza-beza. Secara kasarnya, pengamatan awal mengenal pasti dua corak penemuan dan kesimpulan tentang aspek pemikiran dalam kesusasteraan Melayu. Di satu pihak, terdapat sejumlah kajian dan penelitian sastra yang memperakukan bahawa apa yang dikatakan sebagai “pemikiran” memang sedia terkandung dalam sebahagian besar karya sastra Melayu. Di pihak yang lain pula, terdapat kajian dan penelitian sastra yang menganggap bahawa sebahagian besar karya-karya sastra Melayu tandus dari segi pemikiran. Sesungguhnya, perbezaan penemuan/kesimpulan tersebut menarik perhatian kajian ini untuk meneliti dan menumpukan perhatian terhadap aspek pemikiran dalam kesusasteraan Melayu.

## **1.2 Sorotan Kajian-kajian Lepas**

Seperti yang telah dinyatakan di atas, pengamatan awal mendapati wujudnya dua kutub pemahaman, pandangan dan tafsiran tentang aspek pemikiran dalam kesusasteraan Melayu. Perbezaan ini, seperti yang telah dinyatakan juga melahirkan dapatan, penemuan dan kesimpulan yang juga berlainan tentang perkara tersebut. Pemahaman ini timbul daripada pengamatan terhadap kajian-kajian terdahulu yang meneliti aspek pemikiran dalam kesusasteraan Melayu. Perbincangan seterusnya akan meneliti satu persatu beberapa kajian berkaitan guna mengesan secara lebih jelas dan terperinci tentang permasalahan ini.

Perbincangan ini dimulakan dengan meneliti tesis doktor Othman Puteh (1992) bertajuk “Langgam Penceritaan Cerpen Melayu”. Tesis ini meneliti cerpen-cerpen karya beberapa penulis terkenal antaranya Abdul Rahim Kajai, Ishak Haji Muhammad, Keris Mas, A. Samad Said, A. Samad Ismail dan Shahnnon Ahmad dengan memberikan perhatian terhadap aspek pemikiran dalam karya-karya penulis tersebut. Hasil daripada analisisnya, kajian Othman Puteh ini menjelaskan bahawa cerpen-cerpen yang dikaji menyerlahkan kematangan pemikiran mereka, seperti mana yang ditulis oleh beliau (1992: 357-358): “Mereka telah...meletakkan kesusasteraan Melayu, khususnya cerpen, pada suatu tingkat yang lebih wajar....Mereka adalah pemikir yang memberi horizon baru....Kesemua nilai itu, sesungguhnya sebagai suatu indikasi kepada **kematangan yang wujud dalam pemikiran** para pengarang cerpen, suatu ketamadunan malah, yang berupaya mencapai tahap kematapan dalam penulisan karya kreatif-imaginatif” [Penekanan ditambah untuk memperlihatkan fokus perbincangan.] Seterusnya, pengamatan ini turut mendapati bahawa tesis kedoktoran ini menyimpulkan bahawa tahap pemikiran penulis-penulis tersebut sudah mencapai ke tahap kematangan intelektual, dan dianggap dapat menjadi manifestasi penting perkembangan tamadun Melayu (1992: 358). Tesis ini turut merumuskan bahawa kebudayaan bangsa Melayu dapat dianalisis dengan tajam oleh penulis-penulis yang dikaji.

Seterusnya, nada-nada yang hampir sama juga didapati mengisi projek sarjana Maisarah Yaacob (2000) bertajuk “*Ustaz dan Nurul Hidayah: Analisis Takmilah*”. Dengan menjadikan novel *Ustaz* karya S. Othman Kelantan dan *Nurul Hidayah* karya Hassan Ali sebagai bahan kajiannya, projek sarjana ini rata-rata memperakukan kehadiran pemikiran yang serius dalam novel-novel yang dikaji. Dalam hal ini, novel *Ustaz* dikatakan membawa pemikiran Islam melalui tema keislaman yang digarap melalui cerita yang dipaparkan (2000: 141). Begitu juga novel *Nurul Hidayah* yang didapati mengarap pemikiran Islam melalui kisah pergolakan hidup watak-watak dan pemerian latar yang diberikan gambaran yang jelas. Adalah jelas bahawa pemikiran tentang Islam dikatakan terkandung dalam novel-novel yang dikaji diperolehi daripada cerita-cerita yang dipaparkan.

Kecenderungan yang sama juga terlihat dalam projek sarjana Ma’amor Yusoff yang meneliti novel-novel Hassan Ali bertajuk “Unsur-unsur Islam dalam Novel Hassan Ali” (2000/2001). Dalam penelitiannya, Ma’amor Yusoff (2000/2001: 153) mendapati bahawa novel-novel Hassan Ali mengutarakan pemikiran tentang agama, kemasyarakatan, dakwah dan perjuangan terutama soal aqidah, tauhid dan syariat Islam yang disalurkan menerusi jalan cerita dan perwatakan watak-wataknya. Dalam hal ini, Hassan Ali dianggap sebagai penulis yang cenderung terhadap Islam, dan justeru memanfaatkan novel-novel beliau untuk menyalurkan pemikiran-pemikirannya tentang Islam. Projek sarjana ini dengan jelas memperakukan

bahawa karya-karya Hassan Ali merupakan wadah yang sah (*legitimate*) dalam memmanifestasikan pemikiran penulisnya (2000/2001: 153), khususnya dalam menyalurkan pemikirannya tentang Islam.

Seterusnya, kecenderungan yang sama juga terlihat dalam tesis sarjana Nurazmi Kuntum bertajuk “Sastera Islam di Malaysia: Satu Kajian Teori dan Pemikirannya dalam Konteks Kesusasteraan Melayu Moden” (1985). Dengan menjadikan perkembangan sastera Islam di Malaysia sebagai fokus kajiannya, tesis ini mendapati bahawa tema-tema tentang ketuhanan, kenabian, jihad, dakwah, taubat dan keinsafan mengisi teks-teks yang dikaji. Kajian Nurazmi Kuntum (1985: 337) ini juga mendapati bahawa kecenderungan beberapa sasterawan seperti Shahnnon Ahmad, Shafie Abu Bakar, Ali Ahmad (Alis Murni), Rizi S.S., Kemala, S. Othman Kelantan dan Mana Sikana terhadap Islam, mendorong berkembangnya pemikiran-pemikiran tentang sastera Islam di Malaysia. Dalam konteks ini, dapat dikatakan bahawa tesis sarjana ini memperakukan soal wujudnya pemikiran dalam karya-karya sastera Islam di Malaysia.

Pengamatan seterusnya beralih kepada makalah Abdullah Tahir bertajuk “Meneliti Novel-novel S. Othman Kelantan Dari Aspek Kepengarangan” (1994). Menurut Abdullah Tahir, pengamatannya terhadap karya-karya S. Othman Kelantan sepanjang empat dekad yang lalu mendapati bahawa beliau merupakan antara pengarang Melayu yang prolifik. Ke prolifikan ini,

menurut Abdullah Tahir disambut dengan pemikiran-pemikiran yang terkandung dalam karya-karya S. Othman Kelantan. Dalam konteks inilah, tulisan Abdullah Tahir didapati dengan jelas menyimpulkan bahawa S. Othman Kelantan merupakan salah seorang penulis Melayu yang komited dalam menyalurkan pemikirannya, dan dengan itu menjadikan karya-karya beliau sarat dengan ilmu, sebagaimana yang ditulisnya (1994: 339): "...beliau bukan sahaja dikenal sebagai seorang cerpenis, novelis, dan penyelidik sastera, tetapi terlibat dalam segala bidang penulisan yang mendukung pemikiran dan pembinaan ilmu".

Seterusnya, perbincangan ini meneliti tulisan Umar Junus bertajuk "Teori Moden Sastera dan Permasalahan Sastera Melayu" (1996). Dalam tulisan ini, Umar Junus antara lain menggariskan takrifan karya yang baik dan mempunyai nilai sastera yang tinggi, iaitu karya yang dapat mencerminkan pemikiran yang dapat menjentik fikiran pembaca. Dengan menjadikan novel *Salina* karya A. Samad Said sebagai contoh, Umar Junus menjelaskan bahawa aspek pemikiran novelisnya terangkum dalam kisah kehidupan watak-watak yang diceritakan dalam novel ini. Dengan pemahaman ini, tulisan Umar Junus memperakukan bahawa *Salina* merupakan novel yang dapat mencerminkan pemikiran sastera yang melingkungi zaman penghasilannya, sebagaimana yang ditulis Umar Junus (1996: 233): "*Salina* dikarang berdasarkan pemikiran sastera akhir tahun 1950-an. Sesuai alur dan watak, cerita dikembangkan berdasarkan alur tertentu". Lebih menarik

lagi, tulisan Umar Junus ini turut memperakukan bahawa novel *Salina* dapat menjantik pemikiran pembacanya melalui cerita yang disajikannya itu, sebagaimana yang disimpulkan Umar Junus (1996: 240) dalam petikan berikut: “Saya rasa di sinilah pentingnya *Salina*. Ia membawa kita memikirkan banyak hal”. Adalah jelas di sini bahawa apa yang dianggap oleh Umar Junus sebagai “pemikiran” itu diperolehinya daripada pengamatan terhadap cerita yang disajikan dalam novel.

Seterusnya, perbincangan beralih kepada makalah Ramli@Sahari Isin bertajuk “Cerpen Melayu Mutakhir: Analisis Pemikiran dan Teknik Naratif” (1999). Dalam makalah ini, Ramli@Sahari Isin meneliti beberapa cerpen Melayu sepanjang dekad 1970-an hingga 1990-an. Penelitian Ramli@Sahari ini, antara lain berhasil menemui pemikiran-pemikiran, yang menurut beliau dapat diveduk daripada tema dan persoalan yang digarap dalam cerpen-cerpen yang dikaji. Adalah jelas di sini bahawa pada pandangan Ramli@Sahari, cerita dalam karya sastera dapat menjelmakan pemikiran yang ingin disampaikan oleh seseorang penulis. Pemahaman Ramli@Sahari ini dengan sendirinya memungkinkan beliau untuk membuat kesimpulan bahawa cerpen-cerpen Melayu yang dikaji memang mengandungi pemikiran, dan ini menurutnya menjadi manifestasi kemajuan sastera Melayu dewasa ini, sebagaimana yang ditulis beliau “...memang tidak dinafikan terdapatnya pemikiran, tema dan persoalan yang dianggap besar dan boleh meningkatkan imej kesusasteraan Melayu” (1999: 117).



Pengamatan seterusnya beralih kepada makalah Hamdan Yahya bertajuk “Pemikiran Keris Mas dalam Rimba Harapan: Kerangka Pengkaedahan Melayu” (2005). Makalah ini berusaha untuk meneroka pemikiran Keris Mas dengan menerapkan kerangka Pengkaedahan Melayu janaan Hashim Awang. Dengan menerapkan prinsip-prinsip penting kerangka tersebut, penelitian Hamdan Yahya mengenal pasti pemikiran-pemikiran yang antaranya meliputi pemikiran tentang hubungan manusia dengan alam, politik, ekonomi, pembangunan, pendidikan, kesenian dan sebagainya. Berdasarkan kepada contoh-contoh yang dikemukakan beliau dalam usaha untuk memperlihatkan wujudnya pemikiran-pemikiran tersebut, adalah jelas bahawa Hamdan Yahya memanfaatkan cerita dalam novel yang dikajinya itu. Pemanfaatan cerita dalam novel *Rimba Harapan* ini dianggap oleh Hamdan Yahya menawarkan kemungkinan-kemungkinan yang memberangsangkan, sebagaimana yang dapat diamati pada kesimpulannya: “Dalam kertas ini penulis telah menyentuh tentang pemikiran Keris Mas seperti yang dipercayai terkandung dalam novelnya *Rimba Harapan*....Pada umumnya, apa yang ditulis oleh Keris Mas dalam novelnya itu memang berat dan wajar diulas dan dikaji dengan lebih teliti dan mendalam” (2005: 137).

Pengamatan di atas dapat melakarkan beberapa pemahaman satu kutub pandangan tentang aspek pemikiran dalam kesusasteraan Melayu. Pertama, rata-rata sarjana dan pengkaji di atas didapati memperakukan wujudnya apa yang mereka fahami sebagai “pemikiran” dalam karya-karya sastera Melayu